



07 JAN, 2023

Bukan masa sesuai perkenal semula GST

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Bukan masa sesuai perkenal semula GST

PETALING JAYA: Keadaan ekonomi yang tidak mementu bukan masa sesuai untuk memperkenalkan semula cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kerana lebih membebankan pengguna terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar percukaian, Prof. Dr. Barjoyai Bardai berkata, ini berikutan mereka yang berpendapatan rendah secara realitinya terpaksa membayar kadar cukai yang tinggi berbanding golongan berpendapatan tinggi.

Jelasnya, meskipun kadar cukai yang dikenakan tetap kepada semua golongan, namun jumlah mereka yang berpendapatan rendah lebih tinggi daripada keseluruhan pendapatan mereka.

“Contohnya, katakanlah seorang B40 berpendapatan RM3,000 dan seorang T20 berpendapatan RM20,000 dan mereka berbelanja RM200 serta dikenakan RM12 sekiranya kadar cukai itu adalah enam peratus. Namun, T20 itu membayar cukai hanya RM12 berbanding pendapatan RM20,000, manakala yang berpendapatan rendah pula membayar RM12 berbanding pendapatan RM3,000.

“GST adalah cukai yang dikenakan kepada pengguna yang mana pengguna sendiri akan merasai cukai semasa mereka berbelanja berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang dikenakan ke atas pengilang, tetapi dipindahkan kepada pengguna secara tidak langsung, maka pengguna tak rasa dia bayar cukai.

“Jadi kalau hari ini kerajaan perkenal semula GST, isi rumah mungkin boleh berdemonstrasi seperti berlaku di Filipina sebab sebelum ini memansuhkan GST merupakan manifesto penting PH sehingga mereka menang pilihan raya umum pada 2018,” katanya di sini semalam.

Kelmarin media melaporkan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sudah bersedia untuk menguruskan GST sekiranya dilaksanakan semula.



07 JAN, 2023

Bukan masa sesuai perkenal semula GST

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Keadaan ekonomi yang tidak menentu bukan masa sesuai untuk memperkenalkan semula cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kerana lebih membebankan pengguna terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Bercakap kepada Utusan Malaysia, pakar percukaian, Prof. Dr. Barjoyai Bardai berkata, ini berikutan mereka yang berpendapatan rendah secara realitinya terpaksa membayar kadar cukai yang tinggi berbanding golongan berpendapatan tinggi.